

USIM lonjak nama Malaysia di Brunei

SEREMBAN 27 Nov. - Pasukan debat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terus mempamerkan kehebatan mereka apabila muncul johan dalam Pertandingan Debat Pendidikan Islam Serantau (Pendepis) yang berlangsung di Brunei, baru-baru ini.

Kejayaan itu diperoleh selepas wakil pasukan dari USIM memberikan persembahan bertenaga dan aksi konsisten sepanjang pertandingan itu, sekali gus menewaskan pasukan debat dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei pada peringkat akhir.

Johan membawa pulang hadiah RM2,497 (BND1,000), piala pusingan, piala iringan dan sijil penyertaan manakala naib johan menerima RM1,998 (BND800), piala iringan dan sijil penyertaan.

Pasukan debat USIM yang diwakili oleh Mohd. Ikhwan Rosseli dan Hamizan Hamzah itu berjaya mengetepikan saingan hebat pasukan lain yang turut disertai oleh wakil pasukan dari institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan dan tuan rumah.

Hadiah disampaikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Agama Brunei, Datuk Pangiran Bahrom Pangiran Bahar.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Pendepis, Roslan Untong berkata, pertandingan yang kali pertama dianjurkan itu merupakan landasan terbaik bagi mengetengahkan bakat baharu, selain merapatkan hubungan kerjasama an-



PASUKAN debat USIM muncul juara Pendepis di Brunei, baru-baru ini.

tara IPT tempatan.

"Matlamat utama program adalah untuk melihat serta mengenal pasti sejauh mana kemampuan para pelajar masa kini dalam membincangkan secara ilmiah isu-isu berkaitan pendidikan Islam.

"Malah, setiap hujah dibentang dan di-

sokong secara relevan melalui petikan ayat al-Quran dan hadis," katanya ketika berucap dalam majlis perasmian Pendepis, baru-baru ini.

Dalam pertandingan tersebut peserta membahaskan pelbagai usul debat bertemakan 'Meningkatkan Kecemerlangan Pendidikan Islam dan pada peringkat akhir topiknyalah *Gejala Sosial Kalangan Remaja Islam Semakin Berleluasa*.



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الاسلاميه
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA